

Mesyuarat agung PBEC di Kuala Lumpur 3 Mei

BH - 7 FEB 2002

MALAYSIA akan menjadi tuan rumah Mesyuarat Agung Antarabangsa (IGM) Majlis Ekonomi Lembangan Pasifik (PBEC) ke-35 yang akan diadakan di Kuala Lumpur daripada 3 hingga 7 Mei ini.

Mesyuarat itu akan dirasmikan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Ia adalah kali kedua Malaysia menjadi tuan rumah mesyuarat berkenaan. Kali pertama ialah bagi IGM PBEC ke-27 pada 1994.

Pengerusi PBEC Malaysia, Tan Sri Datuk Azman Hashim, berkata IGM PBEC kali ini akan memberi tumpuan terhadap beberapa masalah ekonomi semasa yang dihadapi negara serantau yang akan dibincangkan dalam forum yang akan disertai pemimpin korporat dan

pemimpin beberapa negara Asia Pasifik.

Beliau berkata, beberapa cadangan mengenai dasar yang boleh dilaksanakan dalam menangani masalah itu akan dirangka pada mesyuarat berkenaan dan akan dikemukakan kepada organisasi antarabangsa utama seperti Pertubuhan Perdagangan Antarabangsa (WTO) dan Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik (Apec).

Beberapa pemimpin kerajaan, menteri dan ketua organisasi utama antarabangsa di Asia dijangka menyampaikan pandangan dan saranan mereka dalam usaha menangani masalah dan meningkatkan ekonomi, katanya pada persidangan akhbar mengumumkan penganjuran mesyuarat itu, di Kuala Lumpur, semalam.

PBEC ialah persatuan antarabangsa yang dianggotai ketua perniagaan yang mewakili lebih 1,100 syarikat di 20 negara dalam Asia Pasifik dengan jualan peringkat global berjumlah RM15.2 trilion dan mengajikan lebih 10 juta pekerja.

Azman berkata, sebagai sebuah daripada forum perniagaan tertua di rantau ini, PBEC menyediakan ruang kepada ketua perniagaan menjalin hubungan perniagaan, bertukar pandangan dengan pegawai kerajaan dan mengetengahkan pendapat mengenai isu perniagaan utama di rantau ini.

Beliau berkata, sejak IGM PBEC yang lalu, ahli ekonomi PBEC menghadapi pelbagai cabaran ekonomi yang getir seperti kesan serangan penganjuran terhadap Pusat Dagangan

Dunia (WTC) New York, kelemahan ekonomi dunia serta kebangkitan China sebagai kuasa ekonomi.

Semua cabaran itu akan dibincangkan bagi mencari kaedah terbaik untuk menyelesaikannya bagi dibentangkan di mesyuarat ekonomi peringkat lebih tinggi, katanya.